



## PEPERIKSAAN AKHIR

**KURSUS : USUL FIQH**

**KOD KURSUS : MIF1023**

**TEMPOH : 02 JAM**

### **ARAHAN KEPADA CALON PEPERIKSAAN:**

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian :  
: BAHAGIAN A (10 soalan)  
: BAHAGIAN B (15 soalan)  
: BAHAGIAN C (03 soalan)
2. Jawab SEMUA soalan dari BAHAGIAN A, BAHAGIAN B dan BAHAGIAN C.  
i. Jawab SEMUA BAHAGIAN dalam Buku Jawapan yang disediakan.
3. Sila pastikan set peperiksaan ini mengandungi :
  - i. Kertas Peperiksaan
  - ii. Buku Jawapan
4. TIDAK DIBENARKAN membawa sebarang bahan ke dalam dewan peperiksaan kecuali mendapat kebenaran daripada pengawas peperiksaan.
5. Tulis jawapan anda dengan menggunakan pen mata bulat (*ball-point pen*).

**NO. MYKAD :** \_\_\_\_\_

**NO. ID :** \_\_\_\_\_

**PENSYARAH :** \_\_\_\_\_

**SEKSYEN :** \_\_\_\_\_

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*Kertas soalan ini mengandungi 07 muka surat bercetak*

**BAHAGIAN A: SOALAN BENAR ATAU SALAH**

Nyatakan sama ada pernyataan di bawah BENAR atau SALAH.

1. **(1 point)**

*Istihsan* merupakan dalil *zanni*.

2. **(1 point)**

Ayat-ayat *muhkamat* merupakan ayat yang jelas tanpa perlu ditakwil atau diperjelaskan.

3. **(1 point)**

*Saddu al-Zarai'* ialah mencegah sesuatu perkara yang boleh membawa ke arah kerosakan dan bahaya.

4. **(1 point)**

*Ijmak sukuti* diterima sebagai hujah dengan tidak bersyarat.

5. **(1 point)**

Kehujahan *Masalih al-Mursalah* dibenarkan dalam perkara muamalat sahaja.

6. **(1 point)**

*Lafaz al-'Am* ialah makna yang menunjukkan pengertian umum dan menyeluruh tanpa batasan.

7. **(1 point)**

*Al-Amru* merupakan bahagian *lafaz al-Khas*.

8. **(1 point)**

*Maqasid Syariah* dari segi istilah bermaksud menuju ke suatu arah.

9. **(1 point)**

*Maslalah Tahsiniyyah* biasanya dikaitkan dengan hukuman bagi penzina.

10. **(1 point)**

Hukum pengharaman arak diturunkan kepada 3 peringkat.

**BAHAGIAN B: SOALAN ANEKA PILIHAN**

Jawab SEMUA soalan.

**1. (1 point)**

Pilih pernyataan yang **TEPAT** mengenai ayat *mutasyabihat*.

- A. Ayat-ayat yang terang.
- B. Ayat-ayat yang mudah difahami.
- C. Ayat-ayat yang jelas maksudnya.
- D. Ayat yang mengandungi beberapa pengertian.

**2. (1 point)**

Pilih pernyataan yang **BENAR** berkaitan dengan *Sunnah Fi'llyyah*.

- A. Ikrar Nabi SAW.
- B. Perbuatan Nabi SAW.
- C. Cita-cita Nabi SAW.
- D. Perkataan Nabi SAW.

**3. (1 point)**

Encik Zamri telah menunaikan solat dengan pakaian yang dicuri. Apakah hukum bagi perbuatan tersebut?

- A. Sah solat.
- B. Tidak sah solat.
- C. Haram.
- D. Harus.

**4. (1 point)**

*“Konsep dalil perundangan mencegah atau menyekat jalan yang membawa kepada kerosakan”*

Jadual 1

Jadual 1 di atas merujuk kepada \_\_\_\_\_.

- A. *Ijmak ulamak*
- B. *Al-Istihsan*
- C. *Saddu az-Zara'i*
- D. *Masalih al-Mursalah*

**SULIT**5. **(1 point)**

Manakah antara berikut merupakan perkara-perkara yang diQiyaskan dengan hukum pengharaman arak?

- i. Todi.
  - ii. Dadah.
  - iii. Ubat batuk.
  - iv. Wiski.
- A. i dan ii.  
B. i dan iii.  
C. i, ii dan iii.  
D. i, ii dan iv.

6. **(1 point)**

Aspek umum dan khusus di dalam bahagian *Masalih al-Mursalah* adalah seperti berikut,  
**KECUALI** \_\_\_\_\_

- A. ‘ammah.
- B. aghlabiyyah.
- C. mu’tabarah.
- D. khassah.

7. **(1 point)**

Mazhab apakah yang menolak kehujahan *Istishab*?

- A. Hanafi.
- B. Syafie.
- C. Maliki.
- D. Hanbali.

8. **(1 point)**

Lafaz *al-Mutlaq* ialah lafaz yang menunjukkan pengertian tidak terbatas dan luas. seperti \_\_\_\_\_.

- A. Lelaki dan hamba.
- B. Kucing Parsi.
- C. Kereta Proton.
- D. Ahmad bin Kasim.

9. **(1 point)**

Lafaz *mutlak* memberikan pengertian berikut;

- i. Lafaz yang menunjukkan pengertian tidak terbatas dan luas.
  - ii. Lafaz yang menunjukkan kepada sesuatu makna atau menunjukkan beberapa makna secara menyeluruh.
  - iii. Lafaz yang menunjukkan pengertian terbatas dan terhad.
  - iv. Lafaz yang menunjukkan makna khusus.
- A. i dan ii  
B. i dan iii  
C. i dan iv  
D. ii dan iii

10. **(1 point)**

“Ahmad menegur abangnya yang tidak menunaikan solat fardhu dengan cara memberi tazkirah melalui media sosial”

Jadual 2

Berdasarkan jadual 2 di atas, matlamat perundangan yang ingin dicapai adalah \_\_\_\_\_.

- A. memelihara nyawa  
B. memelihara akal  
C. memelihara nyawa  
D. memelihara akidah

11. **(1 point)**

Islam mengharamkan segala perbuatan zina dan perkara yang membawa kepadanya, menjelaskan bahawa Islam sangat menjaga \_\_\_\_\_.

- A. agama  
B. keturunan  
C. nyawa  
D. harta

12. **(1 point)**

*Maslahah Daruriyyah* juga dikenali sebagai keperluan \_\_\_\_\_.

- A. asas  
B. biasa  
C. agama  
D. sempurna

**13. (1 point)**

Islam mengharamkan jual beli dengan cara penipuan, jual beli benda najis, monopoli barang dan seumpamanya, menunjukkan kepada maslahah \_\_\_\_\_.

- A. *kamaliyyah*
- B. *tahsiniyyah*
- C. *hajiyah*
- D. *daruriyyah*

**14. (1 point)**

*Al-Nasakh* mestilah dengan memenuhi syarat tertentu, iaitu \_\_\_\_\_

- i. Hukum yang dinasakhkan itu adalah hukum syarak yang bukan ditetapkan atau bukan telah diwajibkan kerana zatnya.
  - ii. Cara *al-Nasakh* mestilah berdasarkan syarak dan dengan hukum syarak.
  - iii. Hukum yang dinasakhkan mestilah hukum yang berbentuk amali atau *fiqh* bukan perkara berkaitan akidah.
  - iv. *Al-Nasakh* adalah orang yang dibebani dengan hukum.
- A. i dan ii
  - B. i dan iii
  - C. i dan iv
  - D. i, ii dan iii

**15. (1 point)**

Hukum pengharaman riba merupakan kaedah *al-Nasakh* bagi menggantikan hukum lebih berat. Berapakah peringkat bagi pengharaman riba?

- A. 2
- B. 3
- C. 4
- D. 5

**BAHAGIAN C: SOALAN STRUKTUR**

Jawab SEMUA soalan.

**1. (16 points)**

- a) Berikan maksud bahagian sunnah berikut beserta contoh : (6 points)

- i. *Sunnah Fi'llyyah*
- ii. *Sunnah Taqririyyah*

- b) Berikan maksud perkataan-perkataan di bawah: (4 points)

- i. Hukum *I'tiqadiyyah*
- ii. Hukum *Amaliah*

- c) Bincangkan **DUA (2)** contoh bagi setiap hukum di bawah : (6 points)

- i. Hukum berkaitan akidah.
- ii. Hukum berkaitan amalan.
- iii. Hukum berkaitan akhlak.

**2. (15 points)**

- a) Senaraikan **LIMA (5)** penggunaan lafaz *al-Amru* daripada makna *Majazi*.(5 points)

- b) Berikan **LIMA (5)** prinsip Maqasid Syariah. (5 points)

- c) Nyatakan **LIMA (5)** pembahagian *al-Nasakh* yang dibenarkan. (5 points)

**3. (4 points)**

“Sesetengah ulamak tidak mahu terikat dengan amalan taklid, kerana pada umumnya dasar taklid dalam perundangan ada baik dan buruknya.”

Berdasarkan penyataan di atas, jelaskan secara ringkas **DUA (2)** keburukan bertaklid sebagaimana pendapat sesetengah ulamak.

**KERTAS SOALAN TAMAT**